

Penduduk sudah tak tahan bau busuk, bimbang haiwan liar

Rimas dek sampah sarap

Oleh FAIZAL NAZARUDDIN

faizal.nazaruddin@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Kegagalan pihak berkuasa menguruskan sebuah kawasan bekas rumah panjang di Jinjang Selatan Tambahan di sini telah mengundang pelbagai masalah kepada penduduk sekitarnya.

Ini kerana tanah seluas 1.2 hektar yang ditinggalkan itu telah dijadikan tapak pembuangan sampah 'haram' oleh pihak tertentu sehingga mengganggu kehidupan sehari-hari penduduk terbabit.

Ketua kampung tersebut, Ong Pich Hew, (gambar kecil) 62, memberitahu, sampah sarap itu dipercuryai dilakukan oleh lor-lori kecil yang enggan menghantar ke tempat pelupusan yang disediakan.

"Disebabkan kawasan itu tidak berpagar dan tak dijaga malah terlindung daripada pandangan piñok berkuasa maka sesuai dijadikan tempat pembuangan."

"Akibatnya, penduduk di sini terpaksa menghindar dari rumah beripada tapak sampah itu yang berselebat dengan kampung tersebut," katanya semalam.

Menurutnya, lor-lori itu sering dilihat mebuang sampah di kawasan itu pada waktu pagi dan tengah malam serta melibatkan dua atau tiga lor pada sesuatu masa.



"Penduduk pernah cuba melarang kumpulan itu tetapi kami pula diugut oleh mereka," ujarnya.

Seorang penduduk, Wong Chin Peng, 34, bimbang keselamatan orang ramai kerana kawasan tersebut turut menjadi tumpuan haiwan bertandang.

"Anjing sering menjadikan kawasan itu untuk mencari makanan malah penduduk juga pernah melihat ular dan biawak juga," ujarnya.

Jelasnya, penduduk bimbang terutama kanak-kanak diserang oleh haiwan itu apabila melalui kawasan tersebut untuk pergi ke pasar atau ke sekolah.

Ketua Tadbir Pusat Perkhidmatan Rakyat Gerakan Kepong, Lau Hoi Keong kesal dengan tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab menjadikan kawasan tersebut tapak pembuangan sampah haram.

"Bukan hanya sampah domestik boleh didapati di kawasan tersebut tetapi sisa makanan dari peniaga, perabot usang dan bahan binaan," ujarnya.

Menurutnya, kawasan tersebut dahulu merupakan kawasan rumah panjang Titi Kaya yang telah dipindahkan pada 2004 lalu.

Tambahnya, selepas dibersihkan kawasan tersebut, beliau meminta DBKL memagar kawasan di sekeliling itu bagi mengelak ia terus diceroboh.



PENDUDUK tidak tahan dengan bau busuk longgokan sampah di sekitar bekas rumah panjang Jinjang Selatan Tambahan semalam.

